



TARIKAN...keunikan Laut Mati menarik ramai pelancong ke Jordan dan Israel.




UNIK...kadar kemasinan tinggi menyebabkan manusia terapung.

# Laut Mati lenyap 2050

H.M MS 10 8/5/07

Laut paling masin di dunia surut satu meter setiap tahun



KERING...kristal garam bertaburan di Pantai Laut Mati yang surut.

**S**engketa di Timur Tengah menyukarkan rancangan menyelamatkan Laut Mati yang dilapor surut semeter setiap tahun sejak 25 tahun lalu.

Jordan dan Israel memberi amaran, jika keadaan itu berterusan, laut paling rendah di dunia itu akan lenyap sama sekali menjelang 2050 bersama kehidupannya yang unik. Pakar menyatakan keadaan itu berlaku akibat pengalihan aliran sungai, perlombongan mineral berharga dan juga kesan semula jadi seperti pengeluwapan.

Laut Mati seluas 67.6 kilometer panjang dan 17.7 kilometer lebar berada 430 meter di bawah paras laut.

Airnya yang sedalam 305 meter memiliki kadar kemasinan 30 peratus atau lapan kali ganda lebih tinggi daripada laut lain.

Ia bersempadan dengan Jordan dan Israel di sebelah timur dan Tebing Barat di sebelah barat.

Kadar kemasinan air tertinggi dan tanah liat hitam didakwa mampu mengubat apa saja penyakit menjadikan Laut Mati sumber tarikan pelancong bagi Israel dan Jordan.

Situasi itu menyebabkan banyak hotel lima bintang dibangunkan di pantainya, sekali gus mewujudkan pencemaran yang turut membahayakan alam semula jadi di sekitar laut itu.

Usaha memelihara kewujudan Laut Mati terbantu selepas rancangan mengalirkan air Laut Merah ke Laut Mati tertangguh hingga kini akibat sengketa yang

berlaku di rantau itu. "Kebarangkalian Laut Mati lenyap semakin nyata sejak beberapa bulan lalu dengan berlakunya beberapa kejadian berkaitan. Hakikatnya, laut ini warisan unik bukan saja kepada negara di sekelilingnya tetapi seluruh dunia," kata Menteri Air Jordan, Mohammed Thafer al-Alem.

Kejadian tanah jerlus, ada yang sedalam lebih 30 meter dilapor semakin kerap berlaku di kawasan sekitar Laut Mati.

Di Ghor Haditha, sebuah kampung di selatan Laut Mati di Jordan, papan tanda amaran diletakkan penduduk kampung mengingatkan lubang jerlus yang menjelma di kawasan kebun sayur-sayuran mereka.

Tanah jerlus berlaku kerana mata air bawah tanah kering dan garam yang ditinggalkan air masin Laut Mati menghakis tanah.

"Hidup kami kini lebih menarik kerana kami tak tahu bila atau di mana tanah jerlus ini akan berlaku, mungkin di tempat kami berdiri ataupun ketika kami tidur," kata seorang penduduk, Khaled al-Huweimel.

Sumber air utama ke Laut Mati, Sungai Jordan juga terlalu diguna pakai untuk projek pengairan di Jordan, Israel dan Syria menyebabkan air yang sampai ke laut terlalu sedikit.

Mohammed Thafer berkata, situasi Laut Mati lebih teruk daripada Laut Aral di Asia Tengah.

Laut Aral yang terletak di antara Uzbekistan dan Kazakhstan surut tiga suku kawasan airnya akibat projek



**SUSUT...Pantai Laut Mati surut semeter setiap tahun dan kesannya dapat dilihat dengan jelas.**

pengalihan air oleh Kesatuan Soviet (USSR) bagi membangunkan sektor pertanian.

"Laut Mati lebih buruk kerana Aral surut dalam setengah kurun tetapi keadaan lebih singkat di sini. Kesan terhadap kawasan sekeliling dan hasil mineralnya juga amat tinggi," katanya.

Usaha menyelamatkan Laut Mati bermula sebaik saja Jordan dan Israel menandatangani perjanjian damai pada 1994.

Pada mulanya, saluran paip sepanjang 80 kilometer dirancang dibina dari Laut Mediterranean ke Laut Mati tetapi terpaksa dilupakan kerana kosnya terlalu mahal.

Pengaliran air Laut Merah melalui saluran paip bawah tanah sepanjang 200 kilometer dianggap lebih praktikal.

Bagaimanapun, hanya pada lewat 2005, kajian terperinci dilakukan tetapi terpaksa ditangguh sekali lagi selepas

Hamas menang pilihan raya Palestin.

Jordan tidak berputus asa dan persetujuan dicapai untuk menyenaraikan wakil Palestin dalam projek itu.

Tahun ini, kajian selesai dan Amerika Syarikat dan negara Barat membiayai 60 peratus atau RM52.7 juta kos kajian yang dijalankan itu.

Saluran paip itu dianggar menelan belanja RM3.4 bilion dan akan siap dalam tempoh dua tahun.

Mengikut rancangan tambahan, penyulingan air Laut Merah untuk digunakan Jordan, Israel dan Palestin dijangka menelan belanja RM5.1 bilion.

"Projek ini amat penting buat Israel kerana kawasan sekelilingnya ketandusan sumber air. Dalam tempoh 10 hingga 15 tahun lagi, tiada lagi sumber air selain air minuman," kata jurucakap Kementerian Luar Negara Israel, Jacob Keidar. - AFP